


JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGURUSAN SUMBER  
ARAS 1, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
62628 PUTRAJAYA.

(16)



<http://www.dof.gov.my>

[hqhelp@dof.gov.my](mailto:hqhelp@dof.gov.my)

Telefon : 03-88704406

Faks (PPS) : 03-88891233

Faks (Ketua Pengarah) : 03-88892460

Ruj.Kami : Prk.ML 32/12-2 JS (17 )  
Tarikh : 27 Ogos 2012

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato'/Tuan,

### PERMOHONAN UBAH SUAI VESEL ENJIN SANGKUT (SAMPAN)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.H. Dato'/Tuan, Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber dan Bahagian Kejuruteraan telah mengadakan perbincangan berhubung permohonan ubah suai vesel enjin sangkut (sampan) pada 9 Ogos 2012 yang lalu. Sehubungan itu, Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber dan Bahagian Kejuruteraan telah menetapkan bahawa bagi pengubahsuaian vesel enjin sangkut (sampan) tidak dikira berdasarkan ukuran had muatan (GRT) sebaliknya hanya diukur berdasarkan **panjang sampan sahaja** dan ukuran panjang tersebut **tidak melebihi 11 meter** (bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan) dan **15 meter** (bagi Negeri Sarawak). Manakala, bagi had muatan kuasa kuda (k.k) enjin sangkut **tidak melebihi 120 k.k** (bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan) dan **140 k.k** (bagi Negeri Sarawak).

3. Walaubagaimanapun, bagi ukuran lebar, panjang serta had muatan (GRT) masih diperlukan bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan di dalam buku lesen dan Sistem elesen. Oleh yang demikian, diharapkan dengan penjelasan yang telah diberikan oleh Bahagian ini dapat melancarkan lagi kerja-kerja pelesenan di peringkat negeri.

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



4. Segala Kerjasama dan tindakan oleh Y.H. Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(HJ. JOHARI BIN RAMLI)**

Pengarah  
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber  
b.p. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
Ibu Pejabat Perikanan  
**PUTRAJAYA**

Az/Sampah

s.k .

Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Kejuruteraan

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Ketua Cawangan Pengurusan Sumber Marin

Pegawai Direktorat Jabatan Perikanan Malaysia